

BERITA HARIAN

MONDAY JANUARY 20, 2003

BMI Kendali program ijazah pertama Unikl

Oleh Mohd Feruz Abu bakar

INSTITUT kemahiran tinggi Mara, British Malaysia Institute (BMD) di Gombak, Kuala Lumpur mengendalikankan dua program ijazah pertama Universiti Kuala Lumpur (Unikl) mulai Jun ini.

Program berkenaan ialah Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektrik dan Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Elektronik, program dengan tempoh minimum tiga tahun atau enam semester.

Ketua Pegawai Eksekutif BMI, Zaitone Jaafar berkata 25 tempat dihabiskan bagi setiap program ijazah berkenaan dan bagi pengembalian pertama, hanya lulusan Diploma Tinggi Nasional



Zaitone Jaafar

(HND) BMI yang layak mengikuti program ijazah itu. Selain itu, katanya, BNL turut memperuntukkan 290 tempat bagi enam program HND pe-

ngambilan Julai 2003.

Program berkenaan ialah HND dalam kejuruteraan elektronik, kejuruteraan elektronik perubatan, kejuruteraan telekomunikasi, kejuruteraan dan komputer serta kejuruteraan dan teknologi maklumat perniagaan.

"Permohonan untuk mengikuti program ijazah dan HND mestilah dibuat memalui Borang Ujimin (Unit Pengurusan Institusi Mara) dan iklan jualan borang ini dijangka disebarkan dalam akhbar pada 10 Februari ini.

"Borang Ujimin dijadualkan mula dijual pada 11 Februari dan pelajar diberi tempoh sebulan untuk mengembalikan borang permohonan kepada Ujimin.

Enam Program Diploma Tinggi Nasional (HND) BMI
Kejuruteraan Elektrikal
Kejuruteraan Elektronik
Kejuruteraan Elektronik Perubatan
Kejuruteraan Telekomunikasi
Kejuruteraan dan Komputer
Kejuruteraan dan Teknologi Maklumat Perniagaan

"Pelajar yang berjaya akan mendapat surat tawaran pada pertengahan atau akhir April," katanya ketika ditemui di BMI, Gombak, Kuala Lumpur.

Zaitone berkata, pelajar yang cemerlang mampu memamatkan program HND BMI dalam tempoh dua setengah tahun manakala bagi program ijazah, tempoh minimum ialah tiga tahun atau enam semester.

Bagi pelajar yang kurang cemerlang, katanya, BMI menyediakan kursus khas untuk subyek seperti Matematik, Bahasa Inggeris dan Komputer selama enam bulan, iaitu pada semester pertama.

Menurut beliau, BMI juga mengendalikan Program Usahawan Teknokrat bagi pihak Kementerian Pembangunan Usahawan, iaitu latihan peringkat HND secara separuh masa untuk Bumiputera yang sedang bekerja.

Katanya, tempoh program berkenaan ialah dua setengah tahun dan yuran pengajian ditaja oleh Kementerian terbaharu.

Beliau berkata, kelas bagi program itu dijalankan pada Isnin hingga Khamis bermula 6 petang hingga 10 malam.

Maklumat lanjut boleh diperolehi dengan menghubungi talian telefon 03-6184 1000 atau emel ikm@bmi.edu.my.